



Siri N^o

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 1985

PERUBAHAN KADAR BAGI ELAUN KHAS PENTADBIRAN, BAYARAN
SYARAHAN SAMBILAN DAN BAYARAN PERUNDINGAN

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk meminda dan melaksanakan kadar-kadar baru bagi bayaran Elaun Khas Pentadbiran, Bayaran Syarahan Sambilan dan Bayaran Perundingan. Kadar-kadar baru itu adalah seperti berikut:

1.1 Elaun Khas Pentadbiran

Kadar Elaun-elaun Dekan, Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan adalah dipinda menjadi seperti di bawah ini:

<i>Jenis Elaun</i>	<i>Kadar Baru</i>
Elaun Dekan	\$350 sebulan
Elaun Timbalan Dekan	\$300 sebulan
Elaun Ketua Jabatan	\$250 sebulan

1.2 Bayaran Syarahan Sambilan

Kadar bayaran untuk Pensyarah yang memberi syarahan-syarahan sambilan dalam fakulti-fakulti yang lain dalam Universiti yang sama adalah ditetapkan had maksimumnya sebanyak \$600 sebulan. Kadar mengikut jam adalah tidak berubah iaitu \$50.00 sejam.

1.3 Bayaran Perundingan

Nisbah kadar bayaran bagi kerja-kerja perundingan adalah seperti berikut:

Jumlah Upahan Setahun	Kadar Yang Boleh Disimpan Oleh Pegawai	Kadar Yang Diambil Oleh Universiti
\$10,000 yang pertama	100%	—
\$10,000 yang kedua	75%	25%
Upahan yang seterusnya	50%	50%

2. TARIKH KUATKUASA

2.1 Kadar-kadar baru yang diumumkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari 1 Julai 1985.

3. PEMBATALAN

3.1 Dengan terkeluarnya Pekeliling ini, kadar-kadar lama seperti yang terdapat di dalam peruntukan-peruntukan di dalam Pekeliling Perkhidmatan berikut adalah dibatalkan :

3.1.1 Perenggan 75 (a) (i), (ii), (iii) dan para 118 (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil.Tahun 1975 (Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan Bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun di Malaysia) bertarikh 15hb Januari, 1975;

3.1.2 Perenggan 43, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1980 (Perubahan Gaji Pegawai Sektor Awam).

Sekian.



TAN SRI ROZHAN KUNTOM,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

September 1985.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.
Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Naib Canselor Universiti.

s.k.

Pihak Penguasa Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri.

Pihak Penguasa Kuasa-kuasa Tempatan.

Pihak Penguasa Perbadanan-perbadanan Awam Persekutuan dan Negeri.

Ketua Audit Negara,
Jabatan Audit Negara,
Jalan Chenderasari,
Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah,
Jabatan Akauntan Negara,
Blök 8, Komplek Bangunan Kerajaan,
Jalan Duta,
Kuala Lumpur.